

19/10/1998

Bonus: Kerajaan belum buat keputusan

Azhar Abu Samah

KEMAMAN, Ahad - Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pemberian bonus untuk kakitangannya tahun ini, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

"Setahu saya kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan. Kerajaan harus menimbang atau meneliti serta mengambil kira kedudukan ekonomi negara sekarang," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Sultan, yang dilaporkan akan membuat rayuan bagi meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menimbang semula pemberian bonus kepada 800,000 kakitangan awam.

Aziz dipetik sebagai berkata Cuepacs memahami keadaan ekonomi dan kedudukan kewangan negara, tetapi pada masa yang sama memberi pelbagai alasan supaya Dr Mahathir menimbang keputusan itu, termasuk kenaikan harga, perbelanjaan persekolahan anak-anak, pemotongan kerja lebih masa dan elaun perbelanjaan.

Abdul Halim ketika diminta mengulas mengenai kedudukan kewangan kerajaan, berkata:

"Sukar untuk saya komen ketika ini kerana perkara itu sedang diteliti dan diawasi oleh jabatan berkenaan."

Beliau sebaliknya mengulangi nasihatnya supaya kakitangan awam dan Cuepacs tidak terlalu memikirkkan soal bonus dalam keadaan kegawatan negara ketika ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir membayangkan agak sukar bagi kerajaan membayar bonus kepada kakitangan awam pada tahun ini berikutan kemelut ekonomi yang belum pulih.

Menurutnya, semua pihak termasuk kakitangan awam perlu bersedia untuk 'mengikat perut' dan berjimat cermat mulai sekarang.

"Kerajaan membayar bonus kerana pendapatan kerajaan berlebihan pada ketika itu, tetapi negara mengalami defisit agak besar pada tahun depan dan adalah sukar bagi kerajaan untuk menimbang pembayaran bonus," katanya.

Tahun lalu, kerajaan membayar bonus sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 kepada semua kakitangan awam kecuali pegawai tingkatan tertinggi C ke atas.

Bonus tahun lalu adalah yang kelima diberi kerajaan bagi menghargai sumbangan kakitangan awam meliputi semua kumpulan termasuk polis dan tentera.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400 diikuti sebulan gaji atau RM600 minimum pada 1994 dan 1995 manakala pada 1996 sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah.

(END)